

Program AMDAR Panel Science and Technology Workshop Fifth Session dan AMDAR Panel Meeting Eleventh Session sedang diadakan dari 17 hingga 21 November 2008 bertempat di Auditorium JMM. Program 5 hari ini dirasmikan oleh Datin Paduka Dr. Khatijah bt Mohd Yusoff (TKSU Perkhidmatan Sains)

Aircraft Meteorological Data Relay (AMDAR) atau pun Data Meteorologi Pesawat Berganti-ganti adalah suatu program yang dimulakan oleh Organisasi Meteorologi Sedunia. AMDAR digunakan untuk mengumpul maklumat data meteorologi dari serata dunia dengan menggunakan pesawat komersil. Transmisi AMDAR selalunya digunakan dalam model ramalan cuaca sebagai tambahan kepada data daripada radiosonde.

Panel AMDAR telah ditubuhkan pada Mac 1998. Matlamat Panel AMDAR adalah untuk meningkatkan komponen atmosfera-atas Sistem Pemantauan Komposit '**World Weather Watch**' (**WWW**). Ini dapat dicapai melalui kerjasama di kalangan ahli dalam pengambilalihan, pertukaran dan pengawalan kualiti pemantauan meteorologi daripada pesawat menggunakan sistem laporan yang automatik.

Panel ini telah mengambil peluang yang ada untuk memanfaatkan sumber data global yang kos-efektif bagi memenuhi keperluan WMO dan program-program tajaan WMO yang lain seperti '**World Weather Watch**' (**WWW**), '**World Climate Research Programme**' (**WCRP**), '**Global Climate Observing System**' (**GCOS**) dan '**Global Ocean Observing System**' (**GOOS**). Ini sekaligus berupaya memberikan faedah kepada pengguna-pengguna dalam bidang penerbangan dan bidang-bidang yang lain. Penubuhan Panel ini adalah perlu untuk memastikan pendekatan yang selaras dalam pembangunan AMDAR sebagai program operasi global terutama di kawasan-kawasan yang kekurangan data. Bagi program yang bakal diadakan di Petaling Jaya nanti, seramai 40 orang peserta dari dalam dan luar negara dijangka akan terlibat sepanjang program ini.

Lampiran



Sebahagian peserta yang terlibat dalam program AMDAR.



Ucapan perasmian oleh Y Bhg Datin Paduka Dr. Khatijah bt Mohd Yusoff (Timbalan Ketua Setiausaha – Perkhidmatan Sains)



Datin Paduka Dr. Khatijah bt Mohd Yusoff menerima cenderamata daripada Dr. Yap Kok Seng, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia